

SULIT

1103/2(PP)

**1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos/September
Peraturan
Pemarkahan
2024**



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2024**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1103/2(PP) © 2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

MARKAH PENUH : 100 MARKAH**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1	:	8	markah
Soalan 2	:	6	markah
Soalan 3	:	11	markah
Soalan 4	:	6	markah
Soalan 5	:	4	markah

Perhatian bagi soalan 1 – Morfologi

1. Berikan 1 markah bagi setiap penambahan imbuhan awalan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan imbuhan awalan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa penambahan imbuhan awalan yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada perkataan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
8. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
9. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
10. Sekiranya calon membina ayat cakap ajuk – **WAJIB** ada tanda pengikat kata.
11. Perkataan yang disenaraikan tidak boleh ada perkataan lain selain imbuhan awalan.
12. Terima hanya 4 perkataan dalam senarai teratas sahaja.

Soalan 1 – Morfologi

- (i) dapat
 - pendapat
 - mendapat
 - terdapat
- (ii) rendah
 - terendah
 - serendah
 - merendah
- (iii) ajar
 - pengajar
 - mengajar
- (iv) kualiti
 - berkualiti
- (v) kesan
 - mengesan
 - berkesan
 - terkesan

[Maksimum: 8 markah]**Soalan 2 – Sintaksis**

- (i) Ayat tanya
- (ii) Ayat penyata
- (iii) Ayat perintah
- (iv) Ayat seruan
- (v) Ayat tanya
- (vi) Ayat penyata

[Maksimum: 6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

- | | | | |
|-------|---------------------------------|---|---------------------------------------|
| (i) | adalah | - | ialah |
| (ii) | telah syarikat teknologi latih | - | telah dilatih oleh syarikat teknologi |
| (iii) | menjaga | - | menjana |
| (iv) | dari | - | daripada |
| (v) | diperoses | - | diproses |
| (vi) | dapat | - | mendapat |
| (vii) | menunjukkan tentang kepentingan | - | menunjukkan kepentingan |

[Maksimum: 6 markah]

Bahan 2

- | | | | |
|-------|-------------------|---|--------------------|
| (i) | Kau belajar | - | Kaubelajar |
| (ii) | Pada masa kini | - | Pada masa ini/Kini |
| (iii) | Walaubagaimanapun | - | Walau bagaimanapun |
| (iv) | mempertambahkan | - | menambahkan |
| (v) | sepadan | - | sempadan |
| (vi) | pro-aktif | - | proaktif |

[Maksimum: 5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan Bahasa Melayu Klasik kepada Bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4.

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi <i>tidak</i> mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Sembah Laksamana,”Daulat tuanku, mohon ampun dan kurnia; sebenarnya penjurit itu bukanlah penjurit dari negeri ini, tetapi penjurit dari negeri lain.”

Baginda bertitah. “Apakah sebabnya penjurit itu masih dapat mencuri?”

Sembah Bendahara,”Daulat tuanku Syah Alam, sebenarnya tugas berkawal itu tugas Temenggung; apabila Temenggung diam, Laksamana pula melaksanakannya”.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

1. i)Seikat bak/bagai sirih, serumpun bak/bagai serai [2 markah]
 -Seliang bagai tebu, serumpun bagai serai [2 markah]
 -Serangkap bak lembing, serumpun bak serai [2 markah]
 -Serumpun bagai serai, selubang/seliang bagai tebu [2 markah]

ii)Bagai aur dengan tebing [2 markah]

Maksud : semangat kerjasama dan bersatu padu dalam semua perkara.

2. -Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi [2 markah]
 -Bersukat sama paras, bertimbang sama berat [2 markah]

Maksud : sama taraf; kedudukan yang setara.

[Maksimum: 4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 2 MARKAH

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 3 MARKAH

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relavan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relavan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 4 MARKAH

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relavan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relavan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relavan dengan tugas / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / tidak menyentuh semua bahan / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 3 MARKAH

- UNSUR KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / relavan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / relavan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 4 MARKAH
- UNSUR KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relavan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relavan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6

12 Markah

Mengalami krisis

P1	Merasai / menempuh / menanggung/ ketegangan / perbalahan / kemelut/ konflik	2
P2	mengalami ketegangan / perbalahan / kemelut/ konflik	1
P3	Merasai / menempuh / menanggung krisis	1
P4	jawapan tidak tepat	0

(ii) **Faktor yang menyebabkan perubahan iklim dunia****Bahan 1**

P1	pelepasan bahan api fosil	1
P2	aktiviti penyahhutan yang tidak terkawal	1
P3	fenomena alam semula jadi	1

Bahan 2

P4	pembangunan yang tidak terancang	1
P5	perbuatan manusia yang tidak beretika	1

[Maksimum: 3 markah]
 [Isi cukup: 2 isi]

(iii) Kesan-kesan gelombang haba

P1	menjejaskan kesihatan	1
P2	menyebabkan kematian	1
P3	penyusutan bekalan air empangan	1
P4	aktiviti pembelajaran luar bilik darjah terpaksa ditangguhkan	1
P5	aktiviti harian terganggu	1
P6	kebakaran hutan secara semula jadi	1
(Kesan-kesan lain diterima sekiranya sesuai)		

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iv) Sebagai seorang remaja, tindakan awal yang perlu saya lakukan

P1	Menghubungi/ melaporkan kepada pihak berkuasa (bomba)	1
P2	memberitahu ibu bapa/ahli keluarga	1
P3	memberitahu/menghebahkan kepada penduduk yang tinggal berhampiran kawasan kebakaran	1
P4	melaporkan kejadian kepada pengerusi penduduk	1
P5	menghebahkan kejadian dalam media sosial(whatsapp/tiktok/facebook)	1
P6	meminta bantuan penduduk berdekatan untuk bersama-sama memadamkan kebakaran	1
P7	mengalihkan barang yang mudah terbakar	1

(Tindakan-tindakan lain diterima sekiranya sesuai)

Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

Soalan 7

13 Markah

(i) Berdasarkan Bahan 1, kesan sekiranya melanggar pantang larang

P1	mengalami kecacatan fizikal	1
P2	aku sekeluarga disisih dan dijauhi oleh masyarakat rumah panjang	1
P3	orang-orang memandang kami dengan pandangan yang sinis dan tajam macam mata belati	1
P4	kami dipulaukan	1

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Berdasarkan semua bahan, pantang larang yang perlu dipatuhi

Bahan 1

P1	jaga diri	1
P2	jaga tingkah laku	1
P3	jaga perbuatan	1

Bahan 2

P4	Aisyah tidak benarkan Jamilah makan sayur-sayuran atau lain-lain	1
P5	Aisyah melarangnya daripada menyapu sampah atau membuat sesuatu	1

Bahan 3

P6	Gadis dilarang/ tidak boleh menyanyi di dapur (<i>Anak dara menyanyi di dapur</i>)	1
P7	Dilarang/ tidak boleh menjahit pada waktu senja (<i>Usah menjahit di senja hari</i>)	1
P8	Dilarang termenung di hadapan/depan pintu (<i>Jangan termenung di muka pintu</i>)	1

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

[Lihat halaman sebelah

SULIT



(iii) Kebaikan pantang larang

P1	mendidik/menegur/menasihati secara halus	1
P2	menerapkan nilai-nilai murni/teladan/pengajaran	1
P3	mengekalkan adat dan warisan	1
P4	menjaga kesihatan	1
P5	keselamatan terjamin	1

(Kebaikan-kebaikan lain diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Langkah-langkah yang perlu saya lakukan untuk membantu sepupu

P1	menemani/mencadangkan sepupu berjumpa dengan ahli keluarga yang lebih berusia /ibu saudara/bapa saudara/nenek/datuk	1
P2	membawa ke tempat-tempat bersejarah/muzium	1
P3	mengajak menonton filem	1
P4	meminjamkan bahan bacaan(buku, majalah)	1
P5	membawa sepupu menghadiri acara kebudayaan	1
P6	menasihati agar berfikiran positif	1

(Tindakan-tindakan lain diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

10 Markah

(i) Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Waheeda

P1	Dia sendiri rasa ingin menyumpah.	1
P2	Waheeda tercenung.	1
P3	Waheeda mengalihkan pandangan.	1
P4	Dia bingkas bangun dan berjalan perlahan-lahan ke arah pintu.	1
P5	Waheeda serta merta ingin keluar meninggalkan tempat itu.	1
P6	Waheeda berhempas-pulas untuk cuba melepaskan diri daripada genggamannya lelaki itu.	1
P7	Waheeda tidak henti-henti mengomel bagaikan terkena histeria.	1

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

(ii) Jawapan soalan novel

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul. (peristiwa yang memberikan teguran)
- (d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap/ jelas. (alasan)
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/ huraian/ contoh).
- (f) Sekiranya isi salah, huraian tidak diterima.
- (g) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
 - Baik : 2 markah
 - Lemah: 1 markah
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Peristiwa penduduk kampung yang buruk sangka terhadap Pak Saidi kerana menghantar Adnan ke sekolah Inggeris. Bagi mereka tindakan Pak Saidi itu akan menyebabkan Adnan mungkin keluar dari agama Islam.
Peristiwa ini memberikan teguran kepada kita agar menyiasat dahulu sebelum membuat tuduhan yang melulu.
2. Peristiwa Nordin dan rakan-rakannya yang kerap menghabiskan masa di warung kopi Pak Samad. Mereka malas bekerja dan bermain dam dari pagi hingga malam.
Peristiwa ini memberikan teguran kepada kita agar tidak membuang masa dengan sia-sia.
3. Peristiwa rahsia Samad yang menjadi tali barut Jepun berjaya dibongkar. Samad telah ditembak oleh tentera Jepun yang tidak mahu rahsia mereka terbongkar.
Peristiwa ini memberikan teguran kepada kita supaya tidak mengkhianati negara.

[Terima jawapan-jawapan lain yang relevan]

Novel Tirani

1. Peristiwa Waheeda terkenangkan zaman persekolahannya. Rakan-rakannya iaitu Si Nuar dan Si Man sering mengejak rupa parasnya. Hidungnya yang pesek sering menjadi gurauan mereka.
Peristiwa ini memberikan teguran kepada kita agar tidak menghina rupa paras seseorang.
2. Peristiwa Waheeda menyuarakan hasratnya untuk melakukan pembedahan plastik supaya wajahnya kelihatan komersial selaras dengan perkembangan perniagaannya. Namun, hasratnya itu ditegah oleh bapanya kerana bercanggah dengan hukum Islam.
Peristiwa ini memberikan teguran kepada kita agar bersyukur dengan kurniaan Tuhan.
3. Peristiwa Waheeda mengalami konflik dengan Zahid yang terlalu cemburu sehingga kerap bertengkar. Zahid sentiasa cemburu melihat kemesraan Waheeda dengan pelanggan bilik Chalet. Zahid menuduh Waheeda tidak pandai menjaga maruah diri.
Peristiwa ini memberikan teguran kepada kita agar pandai menjaga batas pergaulan/berbincang untuk menyelesaikan masalah.

[Terima jawapan-jawapan lain yang relevan]

BAHAGIAN C : RUMUSAN
30 Markah

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi – 20 markah
- (b) Bahasa – 10 markah

(a) **Isi [20 markah]**

Nota:

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (i) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (ii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iii) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (iv) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (v) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima									Markah maksimum
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Bahan 1											
Fokus 1 (Langkah/Usaha/Cara)	4	4	3	3	2	2	2	1	1	1	16
Fokus 2 (Manfaat/ Faedah/ Kelebihan/ Kebaikan/ Kepentingan)	3	1	2	2	3	2	2	3	3	2	
(iii) Isi Bahan 2											
Fokus 2 (Manfaat/ Faedah/ Kelebihan/ Kebaikan/ Kepentingan)	2	1	1	1	1	2	1	2	1	2	
(iv) Isi Bahan 3											
Fokus 1 (Langkah/Usaha / Cara)	2	1	1	1	1	1	2	1	2	2	
Fokus 2 (Manfaat/ Faedah/ Kelebihan/ Kebaikan / Kepentingan)	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
(v) Penutup / Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	- Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik. - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	- Kesinambungan ayat baik. - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat. - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	- Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik. - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat. - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan/ kurang atau tidak difahami.

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.[1-2m]
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa . (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat - bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2markah]

- P1 membincangkan usaha-usaha/ langkah-langkah /cara-cara memajukan industri buah-buahan tempatan dan kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan/ kepentingan-kepentingan industri buah-buahan tempatan 2
- P2 usaha-usaha/ langkah-langkah /cara-cara memajukan industri buah-buahan tempatan 1
- P3 manfaat-manfaat/ kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan/ kepentingan-kepentingan industri buah-buahan tempatan. 1

Isi [16 markah]

FOKUS 1: Usaha-usaha/ langkah-langkah/cara-cara memajukan industri buah-buahan tempatan.

BAHAN 1

- A1 Pihak kerajaan dengan kerjasama syarikat swasta memperkenalkan buah-buahan tempatan ke peringkat antarabangsa. 2
- A2 Pihak kerajaan sentiasa menjalankan penyelidikan untuk meningkatkan kualiti buah-buahan tempatan. 2
- A3 Pengguna perlu mendahulukan buah-buahan tempatan berbanding buah-buahan import. 2
- A4 Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan syarikat swasta menjalankan penyelidikan dalam mempelbagaikan produk berasaskan buah-buahan tempatan. 2

BAHAN 3

- B1 Pihak berkuasa memberikan dana/ bantuan kewangan 2
- B2 Giat meneroka pasaran baharu. 2

FOKUS 2 : manfaat-manfaat/ kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan/ kepentingan-kepentingan industri buah-buahan tempatan.

BAHAN 1

- C1 dapat memastikan pengguna memperoleh harga yang lebih murah dan berpatutan. 2
- C2 membantu dalam menggalakkan perkembangan usahawan tani tempatan. 2
- C3 memastikan ekosistem alam sekitar yang lebih baik. 2

[Lihat halaman sebelah

BAHAN 2

- D1 Negara dapat mengurangi kebergantungan kepada hasil buah-buahan import. 2
D2 meningkatkan pasaran eksport buah-buahan tempatan. 2

BAHAN 3

- E1 sumber ekonomi/ pendapatan masyarakat desa. 2

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, **industri buah-buahan tempatan** haruslah dimajukan agar dapat meningkatkan pendapatan negara. 2
K2 Kesimpulannya, **industri buah-buahan tempatan** haruslah dimajukan. 1
K3 Kesimpulannya, **semua pihak** haruslah memajukan industri buah-buahan tempatan agar pendapatan negara meningkat. 0

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT